

KEPIMPINAN DAN KECEMERLANGAN INSTITUSI MERAHAI PENGIKTIRAFAN ANTARABANGSA UNTUK BANK ISLAM

Raja Teh Maimunah Dinobatkan sebagai WOMANi CEO of the Year 2026, manakala Bank Islam merangkul empat anugerah pada The Asset Triple A Islamic Finance Awards 2026.

KUALA LUMPUR, Khamis, [3 September 2026]: Raja Teh Maimunah Raja Abdul Aziz, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Bank Islam, telah dianugerahkan pengiktirafan berprestij CEO of the Year 2026 di WOMANi (Women in Islamic Business & Finance) Awards 2026 sebagai pengiktirafan terhadap komitmen cemerlang Bank dalam memajukan kepimpinan wanita, keterangkuman serta kesaksamaan gender. Jawatankuasa Anugerah telah menilai beberapa calon terkemuka bagi kategori ini, dan selepas pertimbangan yang teliti, telah memilih Raja Teh Maimunah berdasarkan pelbagai faktor yang digariskan dalam metodologi pemilihan dan penilaian. Dianjurkan oleh Cambridge IFA, anugerah ini mengiktiraf institusi dan pemimpin yang menunjukkan usaha luar biasa dalam memperkasakan penyertaan wanita, mewujudkan persekitaran kerja yang inklusif serta memacu perubahan bermakna merentasi sektor kewangan Islam dan perniagaan di peringkat global.

Anugerah ini mencerminkan komitmen Bank Islam dalam membudayakan persekitaran kerja yang menyokong perkembangan bakat serta memastikan peluang kepimpinan dapat diakses secara saksama oleh semua. Program anugerah ini mengguna pakai metodologi penilaian yang komprehensif dan ketat, dengan calon dinilai berdasarkan perwakilan wanita dalam jawatan kepimpinan, dasar tempat kerja, inisiatif pembangunan profesional serta sumbangan yang boleh diukur dalam memajukan kesaksamaan gender.

Inisiatif kepimpinan wanita ini merupakan program unggulan Cambridge IFA, sebuah institusi pemikiran dan risikan kewangan Islam yang berpangkalan di London, yang dipengerusikan oleh Dr Humayon Dar. Melalui laporan, simposium, platform jaringan profesional dan program anugerahnya, Cambridge IFA memperjuangkan pemeraksaan wanita dalam sektor kewangan Islam dan perniagaan, di samping mengiktiraf pemimpin individu serta institusi yang memainkan peranan penting dalam menyokong kejayaan mereka.

Anugerah tersebut telah disampaikan pada Simposium dan Majlis Anugerah WOMANi Tahunan Ke-7 yang berlangsung pada 27 Ogos 2026 di Hilton Kuala Lumpur. Acara ini menghimpunkan ramai pemimpin kanan termasuk penggubal dasar, pengawal selia, ahli lembaga pengarah, pelabur institusi serta eksekutif korporat dari seluruh Asia Tenggara, Timur Tengah, Asia Selatan, Eropah dan Afrika. Acara ini turut berperanan sebagai platform antarabangsa untuk mengiktiraf kepimpinan dan pencapaian dalam memperkasakan kepimpinan wanita, memupuk keterangkuman di tempat kerja serta menyokong pembangunan mampan.

Raja Teh berkata, "Saya amat berbesar hati dan rendah diri menerima pengiktirafan ini. Apabila mengenang kembali perjalanan saya selama 30 tahun dalam industri perbankan, saya sentiasa diingatkan bahawa kemajuan sering terbentuk melalui cabaran, perubahan dan keberanian untuk meneroka peluang baharu. Ketahanan bukanlah bermaksud mengelakkan kegagalan, tetapi tentang terus melangkah dengan tujuan, berpegang teguh kepada nilai-nilai

yang diyakini serta bangkit dengan lebih kuat daripada setiap pengalaman. Kepimpinan dibina berasaskan kepercayaan dan dipandu oleh integriti, ihsan serta semangat untuk berkhidmat. Seiring perkembangan industri, kita perlu mengadaptasi inovasi dan transformasi sambil terus berpegang teguh kepada prinsip Syariah. Tanggungjawab ini mendorong saya untuk terus menyumbang ke arah membentuk industri kewangan Islam yang lebih berdaya tahan, inklusif dan bersedia mendepani masa hadapan, di samping membangunkan barisan pemimpin yang akan meneruskan amanah ini.”

Pengiktirafan antarabangsa terhadap kepimpinan Raja Teh mencerminkan kekuatan institusi yang diterajuinya serta komitmen Bank Islam dalam membina organisasi berprestasi tinggi yang berpaksikan tujuan. Budaya kecemerlangan ini turut terserlah menerusi pencapaian berterusan Bank dalam landskap kewangan Islam, sekali gus memperkukuhkan kepercayaan bahawa institusi yang kukuh dibina melalui pembangunan bakat, penerapan nilai-nilai murni dan kecemerlangan organisasi yang mampan.

Sementara itu, Bank Islam terus mengukuhkan kedudukannya sebagai institusi kewangan Islam terkemuka apabila meraih empat pengiktirafan pada The Asset Triple A Islamic Finance Awards 2026. Anugerah-anugerah tersebut mengiktiraf peranan Bank Islam dalam empat transaksi sukuk penting merentasi sektor-sektor utama. Bank bertindak sebagai Pengurus Utama dan Penasihat Syariah untuk *Sustainable and Responsible Investment (SRI) Kelestarian Murabahah Sukuk (Best SRI Sukuk – Water)* bagi Pengurusan Air Selangor yang bernilai RM1.5 bilion, serta sebagai *Bookrunner* dan Pengurus Utama untuk *Bi Al-Istithmar Wakala Sukuk (Best Sukuk – Bank)* bagi Bank Simpanan Nasional yang bernilai RM890 juta.

Bank Islam turut bertindak sebagai *Bookrunner* dan Pengurus Utama untuk *Sustainability Wakala Sukuk (Best Sustainability Sukuk – Plantation)* bagi Johor Plantations Group yang bernilai RM200 juta, serta sebagai Penasihat Utama, Penasihat Syariah dan Pengatur Utama untuk *SRI Kelestarian Murabahah Sukuk (Best SRI Sukuk – Renewable Energy)* bagi Heliosel Sdn Bhd yang bernilai RM150 juta. Pengiktirafan ini mencerminkan keupayaan kukuh Bank Islam dalam menyediakan khidmat nasihat, penstrukturan dan pelaksanaan sukuk yang komprehensif.

Tambah Raja Teh, “Kami berbesar hati menerima pengiktirafan pada The Asset Triple A Islamic Finance Awards 2026. Pencapaian ini mencerminkan komitmen kami untuk menyediakan penyelesaian kewangan patuh Syariah yang inovatif serta mampu mewujudkan nilai yang berkekalan kepada pelanggan, pihak berkepentingan dan komuniti yang kami berkhidmat. Pada masa hadapan, kami akan terus memacu agenda kewangan mampan, memperkukuh inovasi pasaran modal Islam serta menyokong pertumbuhan berterusan ekosistem kewangan Islam Malaysia.”

Mengenai Bank Islam Malaysia Berhad

Bank Islam adalah institusi perbankan Islam pertama di Malaysia yang disenaraikan di Papan Utama Bursa Malaysia. Ditubuhkan pada bulan Julai 1983, Bank Islam mempunyai lebih 100 cawangan dan lebih 900 terminal layan diri di seluruh negara. Sebagai sebuah institusi perbankan Islam sepenuhnya, Bank Islam menyediakan penyelesaian perbankan runcit dan kewangan korporat yang mematuhi prinsip Syariah dengan ketat. Bank Islam komited dalam memastikan kemakmuran lestari dan berteraskan nilai-nilai ESG. Ia merupakan peserta rasmi Rangkaian Kompak Global Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Malaysia dan Brunei. Anak-anak syarikat utama Bank Islam, iaitu BIMB Investment Management Berhad dan BIMB Securities Sdn Bhd, menawarkan perkhidmatan pelaburan dan pembrokeran saham.

Untuk maklumat lanjut, layari www.bankislam.com atau emel ke Hubungan Media Kumpulan Bank Islam di media@bankislam.com.my.